

Pantun Nasionalisme: Satu Evolusi Kearifan Lokal

Awang Sufi Udin¹ dan Zubir Idris²

¹Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
43600 UKM, Bangi, Malaysia

¹awangsufi1@gmail.com; ²zidris@ukm.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini menyatakan mengenai evolusi tradisi lisan genre pantun yang bertemakan nasionalisme. Data yang diperoleh memfokuskan kepada teks pantun seperti *Kurik Kundi Merah Saga*, *Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, *Pantun Pak Nazel (Sejukur Kata Seikhlas Hati)*, *Setaman Pantun Merdeka*, *Rampai Sari Pantun*, *Kumpulan Pantun Melayu*, *Pantun: Jiwa Masyarakat Melayu* dan pantun yang didapati daripada portal pantun ATMA UKM. Kaedah kualitatif digunakan dalam makalah ini dengan berorientasikan kepada kajian kepustakaan menerusi teknik pembacaan rapi yang dijalankan di perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL) dan perpustakaan Alam Tamadun Melayu (PATMA) UKM. Selain itu, makalah ini juga berpandukan kepada takrifan nasionalisme Hans Kohn (1965) sebagai konsep dasar dalam menjalankan kajian. Menerusi teks-teks pantun, wujudnya tema nasionalisme dalam korpus sastera tradisional pantun Melayu, namun tidak dibincangkan secara berfokus seperti tema-tema yang lain. Kewujudan tema nasionalisme dalam pantun Melayu memperlihatkan satu evolusi pantun yang bersifat terbuka dan mampu beradaptasi dengan perubahan pemikiran dan zaman tanpa mengubah struktur asal, mahupun tujuannya sebagai satu alat didaktik yang berkesan kepada masyarakat. Implikasi makalah ini umumnya memberi ruang kepada setiap individu warganegara Malaysia menekuni kearifan lokal dalam tradisi lisan, seterusnya mengambil manfaat dan menyedari peri pentingnya penerapan nilai nasionalisme dalam jati diri individu bagi mewujudkan negara bangsa yang harmoni, bersatu padu, bersifat patriotik serta saling bertolak ansur tanpa dibatasi perbezaan di antara kaum dan agama. Makalah ini diharapkan dapat merencanakan kepengarangan pantun nasionalisme di masa hadapan, dengan aturan dan kefahaman yang tepat mengenai elemen nasionalisme yang digarap menerusi sudut pandang tempatan.

Kata kunci: Kearifan lokal, Nasionalisme, Pantun, Perpaduan, Sastera tradisional

PENGENALAN

Negara Malaysia umumnya dikenali sebagai sebuah negara yang memiliki kepelbagaian budaya kesan daripada variasi etnik dan bangsa yang menghuni di dalamnya. Bangsa Melayu yang sedia kaya dengan adat resam dan budaya sedikit sebanyak telah meresap ke dalam tatacara kehidupan seharian bangsa lain yang terdapat di Malaysia. Pantun Melayu pada masa kini yang merupakan salah satu daripada kebudayaan dan simbol artistik masyarakat Melayu tidak lagi eksklusif kepada bangsa asalnya sahaja, malahan turut ditutur dan diperagakan oleh bangsa lain pada era ini.

Penggunaan pantun dalam kehidupan masyarakat Melayu telah terbukti wujud sejak dahulu lagi. Buktinya dapat dilihat menerusi rangkap-rangkap pantun yang terdapat di dalam teks Sejarah Melayu versi W.G Shellabear yang memperihalkan kehidupan, pemikiran dan kebudayaan masyarakat Melayu pada abad ke-16. Seiring dengan peredaran zaman, pantun pada masa kini tidak lagi menggunakan sumber alam sebagai ketetapan rasmi, malah diperkayakan pula dengan pelbagai aspek moden yang tidak biasa dilihat di dalam pantun Melayu tradisional.

Sebagai sebuah negara bangsa yang dihuni oleh pelbagai etnik, isu berkenaan sikap patriotisme, perpaduan dan kesatuan di antara etnik sering diperkatakan. Hal-hal tersebut boleh dirangkumkan dalam usaha mengerti soal nasionalisme yang menyentuh aspek perhubungan, perpaduan dan kesetiaan dalam sebuah negara bangsa. Secara umumnya, konsep nasionalisme dapat ditakrifkan sebagai bentuk pemikiran yang memperlihatkan kesetiaan utama seseorang individu kepada negaranya. Hans Kohn menerusi penulisannya yang bertajuk *The Idea of Nationalism* (1965) mentakrifkan nasionalisme dengan lebih mendalam iaitu sebuah pemikiran yang kemudiannya menjadi suatu hasrat dan sentimen yang berkembang melalui berbagai-bagai kesan pengalaman hidup sesuatu masyarakat dalam kawasan tertentu. Hasrat dan sentimen itu menimbulkan gerak kesedaran anggota masyarakat tersebut untuk menyumbangkan jasa melalui aktiviti-aktiviti yang teratur dengan matlamat terakhirnya untuk menegakkan sebuah negara berdaulat.

Justeru, makalah ini akan meneliti satu evolusi kearifan lokal dalam dunia tradisi lisan kesusasteraan Melayu iaitu pantun berunsur nasionalisme yang semakin subur dalam arena penulisan pantun Melayu. Pemilihan pantun dari pelbagai teks sebagai bahan utama penelitian juga adalah bersesuaian berikutan fungsi asal pantun yang tetap iaitu sebagai alat penyampaian nasihat dan penggunaannya pada masa kini yang melangkaui etnik, sehingga berpotensi menjadi sebuah alat perpaduan yang berkesan serta mudah diterima oleh pelbagai pihak di setiap lapisan masyarakat.

KAJIAN LEPAS

Penelitian yang dibuat terhadap pantun Melayu adalah tidak asing dalam korpus sastera tradisional. Saban tahun, kajian berlandaskan pantun dijalankan dengan meneliti dari pelbagai aspek yang berbeza. Berdasarkan carian yang dilakukan menerusi pelantar sesawang esumber@ptsl perpustakaan Tun Seri Lanang UKM, kata kunci kajian dari jurnal akademik mempamerkan sebanyak 858 artikel yang berkaitan.

Kajian mengenai pantun menerusi laman sesawang tersebut juga mendapati telah bermula seawal tahun 1827 oleh Burton dan Ward. Penelitian oleh Burton dan Ward (1827) meskipun secara ringkas, dapat dipastikan para orientalis pada masa lalu mengakui pantun adalah budaya masyarakat Melayu dan pengamalannya tersebar ke seluruh nusantara.⁵ Selain itu, Van Der Tuuk (1865) menganalisis rangkap-rangkap pantun menerusi teks yang terdapat di dalam koleksi Raffles. Van Der Tuuk dilihat meneliti pantun secara ringkas dan menetapkan genre berdasarkan pantun yang terdapat di dalam teks, tanpa huraian yang berfokus dan sistematik.

H. Overbeck pula pada tahun 1914 dalam makalah bertajuk '*The "Rějang" in Malay Pantuns*' (1914) meneliti genre Pantun Rejang yang boleh dikatakan langka kerana kurangnya sumber dan koleksi Pantun Rejang yang boleh didapati pada masa kini. H. Overbeck (1922) kemudiannya dalam makalah bertajuk '*The Malay Pantun*' pula cuba merungkaikan persoalan permilikan pantun, persamaan serta perbezaan yang boleh dilihat di dalam puisi Jawa. R.O Winstedt (1923) merekodkan pantun 'Abata' di dalam '*Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*' yang diperolehi daripada penyair istana negeri Perak iaitu Raja Haji Yahya Ketika zaman pemerintahan Sultan Idris.

Seterusnya, kajian berkenaan pantun seperti unsur alam dapat dilihat menerusi kajian oleh Kartini Abd Wahab (2016) mengenai profil tumbuh-tumbuhan dalam pantun Melayu, yang memperihalkan tentang kategori leksikon tumbuh-tumbuhan dan deskripsi profilnya dalam pantun Melayu. Selain itu, Zabedah Mohammed dan Shaiful Bahri Md Radzi (2020) di dalam makalah bertajuk *Konotasi Bunga Dalam Peribahasa Melayu*, menilai pantun menerusi perihal bunga dalam peribahasa Melayu.

Aspek pemikiran dan falsafah yang terkandung di dalam pantun Melayu juga merupakan antara aspek yang sering dikaji oleh para sarjana. Hal ini dapat dilihat menerusi makalah oleh Hanapi Dollah, Shaiful Bahri Md Radzi dan Solehah Ishak (2004) yang bertajuk *Pengaruh Melayu dalam Pantun Mah Meri*. Seterusnya, Fatimah Abdullah (2009) menulis tentang pantun sebagai perakam norma menerusi penelitian awal terhadap perkahwinan dan keluarga Melayu. Muhammad Haji Salleh (2011) pula dalam makalah yang bertajuk *'In Search of Literary Love in Malay Literature: The Early Stages of Relationship'* yang menerangkan tentang unsur romantis yang terkandung di dalam pantun Melayu. Siti Hajar Che Man (2013) pula mengkaji tentang kelestarian pantun dari sudut kerelevanan dan kesignifikan pantun di era pembangunan negara dan pembangunan insan pada era moden.

Selain itu, Zurakintan Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh (2015) mengkaji pemikiran Melayu tentang ilmu dan adab dalam puisi Melayu tradisional yang semestinya dapat dilihat menerusi pantun. Nirwana Sudirman dan Zulkifley Hamid (2016) pula dalam kajian mengenai pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu, telah mengenal pasti metafora yang menggambarkan perenggu minda orang Melayu tentang kasih sayang, adat, kiasan, nasihat, perantauan, jenaka, peribahasa, budi, agama, kepahlawanan dan juga perekonomian. Mohamad Shaidan dan Shaiful Bahri Md. Radzi (2020) menilai tradisionalis, penyimpangan dan puisi sukar dalam puisi Melayu moden dan menyuarakan usaha untuk mengetengahkan kaedah pembacaan puisi sukar.

Dalam bidang linguistik dan gaya bahasa, tidak kurang juga kajian yang telah dijalankan terhadap pantun Melayu. Phillip L. Thomas (1979) menerusi makalah bertajuk *Syair and Pantun Prosody* yang melihat pantun dan syair dari sudut stanza dan aturan yang terdapat di dalam kedua-dua tradisi lisan tersebut. Phillip L Thomas (1985) juga turut mengkaji aspek fonologi dan semantik di dalam makalahnya yang bertajuk *'Phonology and semantic suppression in Malay pantun'*. Krishnavanie Shunmugam (2015) menerusi kajian yang bertajuk *'The creative style of C.W. Harrison and J.L. Humphreys in Malay pantun translation'* menilai rangkapan pantun yang telah ditransliterasi oleh Harrison dan Humphreys yang dinilainya kurang diberi perhatian oleh khalayak berbanding pantun yang telah ditransliterasi oleh J.W. Wilkinson, Sir R.O. Winstedt dan A.W. Hamilton.

Ab. Razak Ab. Karim dan Nurul Ain Alizuddin (2016) pula melihat ayat majmuk gabungan bahasa Melayu menerusi pantun Melayu yang berlandaskan teori Transformasi Generatif Standard. Maulana Al-Fin Che Man dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018) pula mengkaji tentang unsur burung dalam pantun menerusi analisis semantik inkuisitif. Hugo Warami (2020) menulis tentang pantun kelautan dalam bahasa Melayu Ambon dari sudut pandang ekolinguistik. Manakala Maulana Al-Fin Che Man, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2022) pula menilai latar geografi maritim dan akal budi Melayu dalam pantun menerusi analisis menggunakan konsep ad-hoc dan pendekatan semantik inkuisitif.

Selain daripada unsur alam, pemikiran, falsafah dan linguistik, terdapat banyak kajian mengenai pantun telah dijalankan merentasi pelbagai bidang. Misalnya, Khalila Ilia Ismail dan Mohd Faizal Musa (2016) dalam kajian mengenai Makanan Dalam Pembayang Pantun Melayu: Satu Wacana Dari Perspektif Gastronomi pula meneroka unsur makanan dalam pembayang pantun serta peranan dan fungsinya yang turut mengandungi unsur alam di dalamnya. Dalam bidang pendidikan, Zaitul Azma Zainon Hamzah (2017) membahaskan tentang nilai pendidikan dan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam pantun dan peribahasa Melayu. Rashidah Mohd, Saedah Siraj dan Zaharah Hussin (2018) pula mengkaji mengenai aplikasi kaedah *Fuzzy Delphi* dalam pembangunan modul pengajaran pantun Melayu berasaskan maksud al-quran mengenai keindahan flora, fauna dan langit. Dalam disiplin musik, Tham Horng Kent (2018) menerusi kajiannya yang bertajuk *'Towards a Performance of Tazul Izan Tajuddin's Kabus Pantun'* meneliti komposisi musik dari karya Tazul Izan Tajuddin yang mengandungi elemen pantun dalam runut bunyi karyanya yang bertajuk Kabus Pantun.

Berdasarkan kesemua kajian lepas yang telah dinyatakan berkenaan pantun, ternyata belum ada satu pun kajian khusus yang menyebut mengenai pantun nasionalisme. Walau bagaimanapun, terdapat dua kajian yang menyentuh soal perpaduan dan nilai patriotisme yang merupakan antara elemen nasionalisme. Madiawati Mamat @ Mustaffa, Nurhamizah Hashim dan Eizah Mat Hussain (2020) dalam makalah bertajuk *Manifestasi Perpaduan Dalam Era Malaysia Baharu Melalui Kumpulan Pantun Warisan*, menilai aspek perpaduan yang dapat dicerap menerusi pantun Melayu. Makalah tersebut juga menyatakan potensi dunia persuratan Melayu sebagai alat perpaduan bagi kesejahteraan masyarakat di negara ini.

Seterusnya, Azim Normiza Ahmad dan Shaiful Bahri Md. Radzi (2021) menyentuh nilai patriotisme yang dapat ditelusuri menerusi teks *Pantun Pak Nazel*. Kajian tersebut turut menyatakan kemampuan genre puisi tradisional memberi ruang dalam dunia pendidikan, dalam penerapan nilai-nilai murni sesuai dengan perubahan masa dan tuntutan zaman. Kedua-dua kajian yang telah dinyatakan meskipun tidak menyatakan secara langsung berkenaan nasionalisme, elemen perpaduan dan patriotisme adalah salah satu elemen yang terdapat dalam soal memperkatakan mengenai nasionalisme. Pencerapan elemen nasionalisme berdasarkan pantun Melayu, nyata menunjukkan bahawa genre pantun nasionalisme adalah wujud dan boleh dibahaskan keberadaannya dalam korpus dunia persuratan Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Makalah ini menggunakan kaedah kepustakaan sepenuhnya dengan merujuk teks-teks pantun seperti *Kurik Kundi Merah Saga*, *Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, *Pantun Pak Nazel (Sejukur Kata Seikhlas Hati)*, *Setaman Pantun Merdeka*, *Rampai Sari Pantun*, *Kumpulan Pantun Melayu*, *Pantun: Jiwa Masyarakat Melayu* dan pantun dari portal ATMA UKM sebagai korpus data kajian, artikel jurnal dan teks yang berkaitan dengan topik kajian. Kaedah kajian ini hanya melibatkan kaedah analisis kandungan teks yang menggunakan konsep nasionalisme sebagai teras perbincangan dalam makalah. Keseluruhan kajian dalam penyelidikan ini menggunakan kajian kepustakaan memandangkan kesesuaian penggunaan kaedah ini. Kajian kepustakaan ini dilakukan di Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA) UKM dan menerusi portal esumber@PTSL bagi carian artikel. Teks yang mengandungi rangkapan pantun juga diteliti bagi mendapatkan data. Bahan-bahan yang terdapat di dalam perpustakaan dapat menjadi rujukan terbaik dalam menganalisis pantun-pantun ini khususnya menerusi pelbagai media cetak, kertas kerja, seminar dan juga internet yang akan disaring untuk melihat kelompongan kajian. Penerapan metodologi ini melibatkan penggunaan kaedah analisis kandungan untuk menentukan nilai-nilai nasionalisme yang terdapat dalam teks pantun yang telah dinyatakan seperti yang dipertegaskan Berelson (1952) "*Content analysis is a research technique for the objectives, systematic, and quantitative description of the content of communication.*"

PENELITIAN ELEMEN NASIONALISME DALAM PANTUN MELAYU

Kepengarangan pantun Melayu ternyata masih aktif meskipun telah mengalami perubahan dari aspek estetik dan artistik sejak dahulu lagi. Penerapan unsur alam yang menjadi idea utama sebagai pembayang pantun, masih terngiang dan dinikmati sepenuhnya oleh para sarjana dan pengemarnya. Pada masa kini, pantun dilihat lebih berfokus dengan kurangnya elemen kiasan dan berkisar kepada isu dan penelitian semasa. Muhammad Haji Salleh (2000) ada menyatakan bahawa elemen baharu yang digunakan masih bertujuan untuk menyampaikan hasrat pengarang dengan berkesan menerusi citra yang dilukis oleh bahasa.

Dalam usaha mencerap elemen nasionalisme dalam pantun Melayu, kepengarangan pantun nasionalisme itu sendiri adalah satu lahan sastera puisi yang baharu dan tidak wujud secara literal sehinggalah terbentuknya sistem masyarakat bernegara yang sistematik dan kompleks. Dalam konteks ini, elemen nasionalisme haruslah dinilai dalam skop yang lebih luas tanpa memfokuskan kepada elemen perkauman dan agama yang lebih rumit. Abdul Aziz Abdul Rahman, et. al (2019) menjelaskan bahawa negara Malaysia telah menggariskan prinsip Rukun Negara yang perlu diteladani oleh setiap warganegara dan falsafah yang terkandung di dalamnya adalah kunci kepada perpaduan di negara ini. Oleh yang demikian, elemen nasionalisme yang terdapat di dalam pantun Melayu adalah berlandaskan prinsip Rukun Negara dan falsafah yang terkandung di dalamnya.

Selain itu, pengkelasan elemen nasionalisme tersebut adalah bersandarkan kepada takrifan Hans Kohn (1965) yang menekankan kewajiban individu untuk bukan sahaja untuk menonjolkan keperibadian, malah meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat yang bernaung di bawah negara yang sama. Penjelasan yang dikemukakan oleh Kohn mengenai takrifan nasionalisme tersebut bersesuaian dengan falsafah Rukun Negara yang diisytiharkan pada 31 Ogos 1970. Perlu ditegaskan juga bahawa prinsip Rukun Negara adalah bersifat terbuka tanpa memfokuskan kepada mana-mana entiti kaum, menjadikannya sebagai alat perpaduan multi-etnik yang berkesan dan wajar diteliti sedalamnya.

Hasil penelitian terhadap data pantun Melayu yang telah dikumpulkan, didapati terdapat tujuh cadangan elemen nasionalisme utama yang bersesuaian. Ketujuh-tujuh elemen tersebut turut mengandungi sub-elemen bagi huraian yang lebih luas dan mendalam. Berikut adalah gambar rajah yang menunjukkan pengkelasan elemen tersebut:

Gambar rajah 1. Cadangan Elemen dan Sub-elemen Nasionalisme di Malaysia

Pembangunan Negara	Kelestarian Budaya	Keamanan
Ekonomi Infrastruktur Kesejahteraan Sosial Persekitaran Dinamik	Kesenian Adat Bahasa Gastronomi Tempatan Pakaian Tradisional	Hubungan Diplomatik Kesiagaan Pertahanan Maklumat & Risikan

Gambar rajah 2. Cadangan Elemen dan Sub-elemen Nasionalisme di Malaysia

Patriotisme	Perpaduan	Nilai Agama	Hak Asasi
Cintakan tanah air Semangat juang Penghayatan Sejarah Membela maruah Taat setia	Kesatuan Integrasi Keharmonian Kemuafakatan Kemajmukan Akomodasi Adaptasi	Kesopanan Kesusilaan Toleransi Kasih Sayang Keprihatinan	Kesihatan Pendidikan Kedaulatan Undang-Undang Pekerjaan Politik Hak Bersuara

Berdasarkan gambar rajah 1 dan 2, pengkelasan tujuh elemen nasionalisme yang berlandaskan prinsip dan falsafah Rukun Negara adalah yang dapat dicerap daripada data pantun Melayu yang telah dikumpulkan. Huraian mengenai elemen yang dicadangkan boleh dilihat seperti yang berikut:

Patriotisme

- Patriotisme yang terkandung di dalam cadangan elemen nasionalisme di Malaysia juga merupakan antara yang perlu ditelaah, kerana hubung kait yang jelas dalam usaha memperlihatkan nasionalisme di sesebuah negara. Institusi masyarakat yang mempunyai semangat patriotisme yang jitu, dapat menunjukkan tahap nasionalisme yang tinggi di dalam sesebuah negara, lantas berupaya meningkatkan imej negara sewajarnya.

Perpaduan

- Perpaduan merupakan kunci utama dalam mencapai makna nasionalisme. Perpaduan boleh diterjemahkan sebagai tiang utama yang menyokong keharmonian dan kestabilan sesebuah negara. Dalam konteks negara Malaysia, perpaduan adalah satu perkara yang perlu ditekankan kerana kepelbagaian etnik dan fahaman yang turut bernaung bersama. Tanpa adanya perpaduan, mustahil wujudnya sebuah negara berdaulat yang mampu bertahan dari sebarang konflik dalaman mahupun luaran.

Nilai Agama

- Nilai murni yang boleh dicerap menerusi agama juga mempunyai peranan signifikan dalam mengangkat tema nasionalisme di negara ini. Meskipun agama Islam diperuntukkan dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan, ia tidak menghadkan pengamalan agama-agama lain yang diamalkan dengan aman dan damai dalam mana-mana bahagian Persekutuan. Variasi agama yang terdapat di Malaysia mewujudkan satu ruang persamaan bagi mencerap nilai murni yang sesuai bagi sebuah masyarakat majmuk.

Hak Asasi

- Penyatuan yang berlaku di sesebuah negara pastinya menimbulkan soal hak asasi masyarakat yang bernaung di bawahnya. Kegagalan sesebuah negara dalam menjaga hak asasi sosial pasti tidak dapat memungkinkan tercapai makna nasionalisme yang sebenar. Perkara 5(1) dalam Perlembagaan Persekutuan juga menyatakan dengan jelas bahawa tiada mana-mana individu boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang. Hak asasi sosial yang dilindungi sepenuhnya oleh autoriti merupakan indikator keseimbangan antara pentadbiran dan kebajikan masyarakat yang bakal mewujudkan kesan positif dalam jangka masa yang panjang.

Pembangunan Negara

- Elemen nasionalisme pastinya melibatkan soal pembangunan negara yang mencakupi pelbagai hal. Misalnya, ekonomi dan kesejahteraan rakyat yang dirancang teliti bagi mencapai taraf negara maju, mampu mengangkat darjat sesebuah negara yang berdaulat. Elemen nasionalisme pastinya tidak dapat dikecap sepenuhnya, sekiranya sesebuah negara hanya mementingkan soal jiwa tanpa mendahului kepentingan rakyat sewajarnya.

Kelestarian Budaya

- Kelestarian budaya juga dapat dikelompokkan sebagai salah satu daripada elemen nasionalisme di Malaysia. Peranan yang dimainkan dalam usaha melestarikan budaya di negara ini pastinya dapat memangkitkan semangat nasionalisme dengan berkesan. Kepelbagaian etnik turut mewarnai variasi budaya yang dapat dirangkumkan dalam usaha mencapai makna nasionalisme. Tambahan pula, Dasar Kebudayaan Negara yang disediakan oleh Kementerian Seni dan Budaya Malaysia, telah menggariskan misi untuk menjadi mekanisme bagi mewujudkan bangsa Malaysia yang mengamalkan budaya nilai tinggi dan mengukuhkan keharmonian dalam kalangan rakyat yang meletakkan pencapaian tinggi berteraskan tatasusila, tatacara dan tahap keintelektualan.

Keamanan

- Keamanan merupakan satu elemen yang sangat penting dalam sesebuah negara. Tanpa keamanan, segala usaha dan cita-cita untuk mencapai sebuah negara berdaulat akan menjadi sukar. Aspek penting terkandung dalam kepentingan sub-elemen keamanan dalam nasionalisme adalah bertujuan bagi mempertahankan kedaulatan, menjaga keseimbangan negara dan sosial, memberikan perlindungan kepada hak asasi dan warganegara Malaysia. Negara yang aman pastinya dapat mendorong pertumbuhan ekonomi, sekaligus berupaya memperbaiki taraf hidup sosial dengan berkesan.

Secara ringkasnya, cadangan elemen nasionalisme yang telah dinyatakan adalah berlandaskan kepada prinsip Rukun Negara dan disesuaikan dengan takrifan nasionalisme Kohn dari konteks negara Malaysia. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa masih ada banyak ruang mahupun penambahbaikan yang boleh dilakukan terhadap pengkelasan elemen nasionalisme yang lebih sesuai pada masa akan datang.

PENELITIAN DATA PANTUN NASIONALISME

Pantun Melayu adalah khazanah bangsa yang diwarisi sejak dahulu lagi. Pengamatan terhadap alam sekeliling sebelum diolah menjadi rangkapan lisan yang indah-indah mencerminkan ketinggian akal budi tempatan yang dimiliki oleh bangsa Melayu. Muhammad Haji Salleh (2000) turut menyatakan bahawa keindahan yang terkandung di dalam pantun dapat dilihat menerusi citra yang telah diperhebat, dihaluskan dan dicantikkan menerusi rasa estetik pengarang yang mengolahnya kembali.

Fungsi pantun yang luwes, yang digunakan secara bersahaja dalam pertuturan harian, sebagai nasihat dan pedoman kepada khalayak nyata masih dikekalkan sehingga kini. Walaupun pantun kini dituturkan ketika majlis formal dan urusan perkahwinan sahaja, terdapat evolusi yang nyata dari aspek penuturnya yang tidak lagi berdarah Melayu semata-mata. Pantun pada masa kini lebih fleksibel dan terbuka untuk dinikmati keindahannya oleh setiap individu di Malaysia. Kebiasaan penggunaan pantun ketika majlis rasmi boleh dianggap sebagai katalis penyebaran pantun melangkaui bangsa di negara ini.

Pantun nasionalisme yang muncul sebagai genre baharu sastera lisan, membuktikan kearifan lokal yang mampu berasimilasi dan berwibawa sepanjang zaman. Berdasarkan cadangan elemen yang telah dinyatakan sebelumnya, sejumlah data pantun yang diteliti mengandungi elemen nasionalisme yang kuat di dalamnya. Data pantun yang dikumpulkan menerusi teks dan laman sesawang portal pantun Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA UKM) dapat dilihat pada jadual yang berikut:

Jadual 1 Jumlah Data Pantun Nasionalisme Yang Dikumpul

Judul Teks/Portal Pantun	Jumlah Data Pantun
Kurik Kundi Merah Saga	21 rangkap
Pantun Pak Nazel (101 Perkara)	52 rangkap
Pantun Pak Nazel (Sejujur Kata Seikhlas Hati)	17 rangkap
Setaman Pantun Merdeka	166 rangkap
Rampai Sari Pantun	14 rangkap
Kumpulan Pantun Melayu	5 rangkap
Pantun: Jiwa Masyarakat Melayu	17 rangkap
Portal pantun ATMA UKM	11 rangkap
Jumlah	303 rangkap

Jadual 1 menunjukkan jumlah data pantun yang mengandungi elemen nasionalisme menerusi teks dan portal yang telah dinyatakan. Teks *Kumpulan Pantun Melayu* yang diselenggara oleh Zainal Abidin Bakar merupakan teks yang tertua dari senarai teks dan portal yang digunakan dalam usaha mencerap elemen nasionalisme. Walau bagaimanapun, didapati kurangnya data yang dapat diambil menerusi teks tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa kepengarangan pantun nasionalisme adalah satu genre yang baharu dan sukar untuk dicerap menerusi teks-teks lama puisi Melayu.

Bagi teks *Kurik Kundi Merah Saga*, sebuah teks yang mengandungi koleksi pantun sebanyak 5154 rangkap turut memperlihatkan peratusan yang kecil elemen nasionalisme yang boleh dicerap menerusinya. Kedua-dua teks tersebut juga adalah rangkuman daripada pantun Melayu tradisional yang sering diperdengarkan kepada khalayak dan masih mengekalkan fungsi dan tema tradisi yang sering digunakan oleh para pujangga dalam mengarang pantun. Kedua-dua teks yang telah dinyatakan mengukuhkan lagi andaian bahawa pantun nasionalisme adalah fenomena baharu dalam landskap penulisan pantun.

Manakala bagi teks *Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, *Pantun Pak Nazel (Sejujur Kata Seikhlas Hati)*, *Setaman Pantun Merdeka*, *Rampai Sari Pantun* dan *Pantun: Jiwa Masyarakat Melayu* yang dihasilkan oleh pujangga masa kini memperlihatkan teknik dan tema kepengarangan pantun yang lebih terbuka, namun masih mengekalkan sistem konvensional pantun Melayu seperti yang diwariskan sejak dahulu lagi.

Berdasarkan cadangan elemen nasionalisme yang disenaraikan, elemen patriotisme merupakan elemen yang sering dilihat terkandung di dalam penulisan pantun nasionalisme. Semangat patriotisme yang merupakan antara elemen utama kepada prinsip nasionalisme, berkisarkan kepada semangat cinta dan bangga akan tanah air dapat dilihat menerusi rangkap pantun yang berikut:

Pisang emas jangan ditebang,
Batang lain banyak lagi,
Hujan emas di negeri orang,
Tidak sama negeri sendiri.

(*Kurik Kundi Merah Saga*, 2013: 588)

Kepah seraga diberi jejak,
Diterima dara basuh di selat,
Sumpah warga bumi merdeka,
Bela negara kukuh berdaulat.

(*Rampai Sari Pantun*, 2017: 126)

Mayang bukan sebarang mayang,
Mayang kelapa tangkainya panjang,
Sayang bukan sebarang sayang,
Sayangkan negara sanggup berjuang.

(*Pantun: Jiwa Masyarakat Melayu*, 2012: 40)

Macam-macam cerita hantu,
Sampai keluang jadi rerama,
Negara terancam rakyat Bersatu,
Sanggup berjuang mati bersama.

(*Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, 2012: 140)

Waktu senja menangkap keluang,
Cahaya bulan jadi pelita,
Wahai perwira teruslah berjuang,
Pertahankan negara yang tercinta.

(*Setaman Pantun Merdeka*, 2007: 69)

Kelima-lima pantun di atas menonjolkan elemen patriotisme yang tinggi dalam makna yang disampaikan. Semangat patriotisme yang menjadi antara elemen utama nasionalisme turut berupaya diolah ke dalam pantun Melayu dan dijadikan tema perbincangan utama pada masa kini. Kesannya, semangat patriotisme yang perlu ada dalam jati diri individu di negara ini juga boleh teladani menerusi pantun Melayu dalam usaha mewujudkan sebuah negara bangsa yang berasa bangga dan cinta akan tanah air sendiri.

Seterusnya, pantun nasionalisme turut memaparkan unsur perpaduan yang tinggi dalam makna yang cuba disampaikan. Pembinaan sebuah negara bangsa yang berdaulat dan harmoni memerlukan masyarakat yang bersatu padu dan kemufakatan yang tinggi dalam mencapai impian tersebut. Antara pantun yang menonjolkan unsur perpaduan dapat dicerap menerusi rangkap pantun yang berikut:

Batang kelapa dipotong-potong,
Tiap satu tidak disukat,
Bulat air kerana pembedung,
Bulat manusia kerana muafakat.

(*Kurik Kundi Merah Saga*, 2013: 574)

Harum mewangi bunga kesuma,
Jarang ditemui di dalam taman,
Permasalahan negara permasalahan bersama,
Hulurkan tangan melakar penyelesaian.

(Portal pantun ATMA)

Puteri beradu tepi pelamin,
Tiada tara elok hiasi,
Rakyat berpadu ramai terjamin,
Kukuh negara berdemokrasi.

(*Rampai Sari Pantun*, 2017: 203)

Atas para sayur peria,
Kacang kelisa sama laksa,
Tiada negara selain Malaysia,
Pelbagai bangsa hidup Sentosa.

(*Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, 2012: 114)

Baju baru kain bertekak,
Baju belah pakai kerongsang,
Bersatu padu kuat seikat,
Kalau berpecah dimakan orang.

(*Pantun: Jiwa Masyarakat Melayu*, 2012: 52)

Berdasarkan pantun di atas, unsur perpaduan dilihat jelas mendasari makna yang cuba disampaikan. Unsur perpaduan yang cuba disampaikan oleh pujangga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan sebuah negara majmuk seperti Malaysia ke arah sebuah negara harmoni dan saling bertoleransi. Perpaduan yang jitu dapat terhasil dengan menyingkirkan segala kepentingan peribadi yang sempit, namun saling bekerjasama mencapai agenda negara yang lebih besar bagi tujuan kepentingan bersama.

Nilai agama layak dirangkumkan bersama dalam elemen nasionalisme kerana peranannya dalam mendidik dan mengasuh keperibadian masyarakat dengan nilai murni. Kesopanan dan kesusilaan yang diterapkan oleh semua agama yang terdapat di negara ini dapat disimpulkan bersama bagi tujuan pendidikan rohani masyarakat di Malaysia. A. Aziz Deraman (2000) ada menyatakan bahawa kerohanian yang dipupuk daripada nilai agama dan budaya terhasil dari nilai positif sesuatu kaum yang mempunyai pegangan serta pemahaman agama yang mantap. Pantun yang menerapkan nilai agama dapat dilihat seperti yang berikut:

Hendak memudik teruna sebaya,
Mencari pulasan sarat sesaman,
Anak didik agama budaya,
Menjadi insan taat dan sopan.

(*Rampai Sari Pantun*, 2017: 126)

Hutan tropika warisan berzaman,
Flora dan fauna menggamit pelancong,
Dalam sibuk mengejar kejayaan,
Negara dipelihara agama dijunjung.

(*Setaman Pantun Merdeka*, 2007: 16)

Balik sekolah terpijak keman,
Tanahnya cerang agak curam,
Berpecah-belah sesame beriman,
Allah melarang hukumnya haram.

(*Pantun Pak Nazel: Sejujur kata seikhlas hati*, 2017: 110)

Kalau pergi ke tanjung batu,
Kirimkan saya sebatang lilin;
Kita bangsa bersatu padu,
Siraturahmi sentiasa terjalin.

(*Portal pantun ATMA*)

Kepelbagaian etnik yang terdapat di negara ini turut memunculkan variasi agama dan pegangan yang di anuti oleh setiap warganegara. Setiap falsafah agama yang terdapat di negara ini menjurus kepada nilai positif dan bersesuaian dengan pengamalannya di Malaysia. Berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan Perkara 3(1) yang memperuntukkan kebebasan beragama selagi ia diamalkan secara aman damai. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa agama di negara ini

berupaya di eksploitasi ke arah pembangunan struktur sosial masyarakat yang harmoni dan saling hormat menghormati.

Elemen nasionalisme seterusnya yang dapat ditemukan menerusi pantun Melayu ialah hak asasi. Sebuah negara berdaulat yang makmur dan sentosa pasti tidak menyekat hak asasi warnganegara yang bernaung di bawahnya. Elemen hak asasi yang dapat dilihat menerusi pantun nasionalisme adalah seperti yang berikut:

Hasil menjala ikan kelah,
Gulai kuning membuka selera;
Hari pertama cucunda ke sekolah,
Insan sempurna pembela negara.

(Portal pantun ATMA)

Sambil berjalan mengutip maman,
Maman tumbuh di tepi paya,
Bagai faedah rakyat sekalian,
Untuk hidup aman sentosa.

(*Kumpulan Pantun Melayu*, 1983: No. 693)

Duduk berhadap membaca hikayat,
Penuh cermat berhati-hati,
Prihatin terhadap keperluan rakyat,
Menjadi matlamat pemimpin sejati.

(*Pantun Pak Nazel: Sejujur Kata Seikhlas Hati*, 2017: 194)

Kuih karas cucur keria,
Cucur badak berbagai rupa,
Pendidikan teras tamadun manusia,
Disangkal tidak oleh sesiapa.

(*Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, 2012: 55)

Atapnya genting dindingnya papan,
Emas disadur pada tiangnya,
Ilmu penting dalam kehidupan,
Maju mundur bergantung padanya.

(*Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, 2012: 81)

Berdasarkan pantun di atas, dapat diperhatikan terdapat pengurangan elemen estetika dan teknik pengolahan bahasa yang puitis seperti yang dilihat pada pantun Melayu tradisional. Walau bagaimanapun, fungsi pantun sebagai alat didaktik serta nasihat kepada khalayak masih dikekalkan seadanya. Elemen nasionalisme iaitu hak asasi ditekankan menerusi pantun di atas seperti pendidikan dan kebajikan masyarakat adalah satu perkara yang perlu diambil peduli oleh para pemimpin.

Bagi elemen nasionalisme seterusnya, pembangunan negara adalah aspek yang penting untuk ditekankan bagi sebuah negara berdaulat. Kewujudan negara semata-mata tanpa adanya pembangunan yang terancang dan kondusif dengan masyarakat bakal memunculkan tanggapan buruk kepada negara tersebut. Antara contoh pantun nasionalisme yang memperkatakan tentang pembangunan negara ialah:

Ikan kelisa bakar bara,
Kak Seha melemek geti,
Maju bangsa maju negara,
Dengan usaha sepenuh hati.

(*Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, 2012: 112)

Pagi-pagi mengail haruan,
Kerbau ditambat tumangnya leang,
Zaman teknologi zaman kemajuan,
Siapa terlambat tinggal ke belakang.
(*Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, 2012: 113)

Lemak ketuka goreng kulat,
Ikan gurami masakan timur,
Malaysia merdeka negara berdaulat,
Teguh ekonomi rakyat Makmur.
(*Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, 2012: 114)

Burung keria di dahan pauh,
Sama di situ anak tupai,
Pemimpin Malaysia berpandangan jauh,
Maka itu kemajuan tercapai.
(*Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, 2012: 114)

Menjelang subuh membawa ubur,
Memetik sukun ke dalam guni,
Ekonomi kukuh pelajaran subur,
Rakyat rukun dalam harmoni.
(*Rampai Sari Pantun*, 2017: 204)

Berdasarkan pantun di atas, gambaran kemajuan dan keharmonian negara adalah indikasi kepada kejayaan perancangan terhadap pembangunan negara. Sebuah negara yang maju dan membangun mampu memenuhi segala hasrat yang diminta oleh rakyat, lantas mengekalkan kestabilan negara. Kesan positif daripada pembangunan negara juga berupaya mengangkat status sesebuah negara di mata dunia.

Pantun Melayu yang umumnya dikenali sebagai khazanah bangsa Melayu menunjukkan nilai falsafah tinggi yang terkandung di dalamnya. Khazanah budaya yang dapat dicerap menerusi pantun turut berupaya diterjemahkan sebagai elemen nasionalisme yang bersesuaian dengan sudut pandang tempatan. Kelestarian budaya merupakan antara cadangan elemen nasionalisme dapat dilihat menerusi pantun yang berikut:

Pondok menjadi bangsal,
Bangsal ada di hujung desa,
Usul menunjukkan asal,
Bahasa menunjukkan bangsa.
(*Kurik Kundi Merah Saga*, 2013: 381)

Anak Cina mengirim surat,
Dari Jawa sampai ke Deli,
Hidup kita dikandung adat,
Budi tidak dijual beli.
(*Kurik Kundi Merah Saga*, 2013: 594)

Hari redup berarak mega,
Berarak mega sampai ke pagi,
Marilah hidup warisan bangsa,
Kalau tak kita siapa lagi.
(*Rampai Sari Pantun*, 2017: 121)

Dara ayu berkain kasah,
Habis basah meranduk paya,
Pantun dan Melayu tak boleh pisah,
Andai dipisah pudarlah budaya.

(*Rampai Sari Pantun*. 2017: 122)

Buat kendi kendinya gangsa,
Bawa ke hulu dibeli orang,
Budaya menjadi penyatu bangsa,
Sejak dahulu hingga sekarang.

(*Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, 2012: 39)

Kelestarian budaya merangkumi perlbagai perkara seperti kesenian, adat, bahasa, gastronomi tempatan dan pakaian tradisional. Tidak dinafikan bahawa budaya boleh mencakupi skop yang lebih luas berbanding yang telah dinyatakan sebelumnya. Menerusi pantun Melayu, perihal budaya adalah antara tema yang sering didendangkan oleh para pujangga masa lalu dan kini. Menariknya, pujangga pada masa kini didapati tidak lagi mengolah kebudayaan di dalam pantun yang berfokus kepada bangsa Melayu sahaja, malah turut memerikan budaya bangsa lain yang turut bernaung di negara ini.

Keamanan merupakan kunci kepada kesejahteraan hidup sebuah negara. Tanpa keamanan, negara akan sentiasa bergolak dan mustahil dapat mengecap kemakmuran bagi kesejahteraan hidup rakyat. Antara pantun yang dicerap mempunyai elemen keamanan dapat dilihat seperti yang berikut:

Kepah seraga diberi jejak,
Diterima dara basuh di selat,
Sumpah warga bumi merdeka,
Bela negara kukuh berdaulat.

(*Rampai Sari Pantun*, 2017: 126)

Permata Mutiara sangat berharga,
Cincin ditempat mengambil masa,
Keamanan negara perlu dijaga,
Jangan dihampa pengorbanan bangsa.

(*Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, 2012: 17)

Gara-gara terpijak keman,
Nafas dihela lalu tercegat,
Apabila negara sudah aman,
Jangan pula diganggu gugat.

(*Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, 2012: 17)

Pak Denan menjual tapai,
Mak Leha menjual nira,
Hargai keamanan sudah tercapai,
Hasil usaha pemimpin.

(*Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, 2012: 17)

Sambal kerang sejenis makanan,
Sayur rebung lemak turi,
Setiap orang impikan keamanan,
Untuk menyambung hidup lestari.

(*Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, 2012: 18)

Unsur keamanan yang dapat dicerap menerusi pantun dilihat bersesuaian untuk dirangkumkan bersama elemen nasionalisme. Pantun yang mengandungi unsur keamanan biasanya memperlihatkan nasihat dan kesan yang dapat dikecapi sekiranya sebuah negara mengecapi keamanan yang sepatutnya.

Berdasarkan cadangan elemen dan contoh yang dilihat menerusi rangkap-rangkap pantun, elemen nasionalisme sudah wujud dalam arena kepengarangan pantun Melayu. Keberadaan pantun nasionalisme pada masa kini boleh ditelaah dan dijadikan panduan dalam usaha mendidik masyarakat agar saling bersatu padu dan menghargai negara bagi kepentingan bersama.

KESIMPULAN

Pantun nasionalisme yang muncul pada masa kini menunjukkan bahawa berlakunya satu evolusi kepengarangan pantun dalam dunia sastera Melayu. Walaupun penyesuaian dan gaya bahasa tidak seputis rangkapan pantun yang terdahulu, pujangga yang menghasilkan pantun nasionalisme masih mengekalkan fungsi serta tidak melanggar konvensi aturan pantun yang telah diwarisi sejak dahulu lagi. Wajar diteliti bahawa pujangga pada masa kini tidak lagi memfokuskan kepada teknik kiasan yang sering didapati dari sastera tradisional, malah lebih bersifat terbuka dan mudah difahami oleh setiap lapis masyarakat tanpa mengkhususkan kepada etnik yang khas. Secara mudahnya, pantun pada masa kini lebih bersifat ringan, namun masih berupaya untuk menyampaikan mesej yang berkesan kepada khalayak.

Genre pantun nasionalisme dalam konteks negara Malaysia adalah bersesuaian dengan situasi semasa yang memerlukan panduan dalam usaha menangani konflik perkauman dan perpaduan yang sering timbul kebelakangan ini. Elemen patriotisme, nilai agama dan kelestarian budaya misalnya berupaya mengangkat seluruh variasi etnik yang terdapat di negara ini. Fleksibiliti tema nasionalisme di dalam pantun akan mewujudkan satu suasana baharu dalam kalangan peminatnya, lantas membuka ruang bagi individu yang bukan Melayu untuk mendalami dan menghayati falsafah serta keunikan yang terkandung di dalam pantun.

Akhir sekali, kajian mengenai pantun nasionalisme serta kepengarangannya wajar ditambah dan diteliti dengan lebih mendalam agar dapat ditimba sepenuhnya manfaat yang terkandung di dalamnya. Masih ada pelbagai ruang dan peluang yang boleh ditelaah menerusi pantun nasionalisme.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Abdul Rahman, Abdul Razaq Ahmad, Mohd. Mahzan Awang. 2019. *Patriotisme dan Toleransi Kaum Antara Belia Malaysia: Hasrat dan Pelaksanaan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- A. Aziz Deraman. 2000. *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Ab. Razak Ab. Karim dan Nurul Ain Alizuddin. 2016. Pantun Melayu: Ayat Majmuk Gabungan Bahasa Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 4(2), 2016: 23 – 36.
- Abdul Halim R. 2017. *Rampai Sari Pantun: Teknik Mencipta dan Membalas Pantun*. ITBM: Kuala Lumpur.
- Azim Normiza Ahmad & Shaiful Bahri Md. Radzi. 2021. Nilai Patriotisme dalam Pantun Pak Nazel. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 9(2): 37 – 49.
- Berelson, B. 1952. *Content Analysis in Communication Research*. New York: New York Hafner Press.

- Burton and Ward. 1827. XXVI. Report of a Journey into the Batak Country, in the interior of Sumatra, in the year 1824. *Transactions of the Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland*, 1: 485-513.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2013. Kurik Kundi Merah Saga (Edisi Kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Fatimah Abdullah. 2009. Pantun Sebagai Perakam Norma: Penelitian Awal Terhadap Perkahwinan dan Keluarga Melayu. *Jurnal Melayu*, 4: 43-57.
- Hugo Warami. 2020. Pantun Kelautan Dalam Bahasa Melayu Ambon: Kajian Ekolinguistik. *Jurnal e-Bangi*, Vol. 17. No.9: 90-103.
- Hj. Mohd Yasin Ahmad. 2012. Pantun Jiwa Masyarakat Melayu. Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA): Kuala Lumpur.
- Kohn, Hans. 1965. *Nationalism: Its Meaning and History*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Krishnavanie, Shunmugam. 2015. The Creative Style of C.W. Harrison and J.L. Humphreys in Malay Pantun Translation. *Journal of Modern Languages*. Vol. 25: 107-125.
- Khalila Ilia Ismail dan Mohd Faizal Musa. 2016. Makanan Dalam Pembayang Pantun Melayu: Satu Wacana Dari Perspektif Gastronomi. *Jurnal Melayu*, Bil. 15(1): 1-13.
- Kartini Abd Wahab. 2016. Profil Tumbuh-Tumbuhan Dalam Pantun Melayu. *GEOGRAFIA Online. Malaysia Journal of Society and Space*. 12 issue 11 (29-43).
- Md Salleh Yaapar. 2007. Setaman Pantun Merdeka. Penerbit Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Mohamad Shaidan & Shaiful Bahri Md. Radzi. 2020. Tradisionalis, Penyimpangan dan Puisi Sukar dalam Puisi Melayu Moden. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 8(3): 11 – 22.
- Maulana Al-Fin Che Man dan Nor Hashimah Jalaluddin. 2018. Unsur Burung Dalam Pantun: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Wacana Sarjana*, Jilid 2(1): 1- 15.
- Maulana Al-Fin Che Man, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan. 2022. Latar Geografi Maritim dan Akal Budi Melayu dalam Pantun. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 10(2): 33 – 46.
- Madiawati Mamat @ Mustaffa, Nurhamizah Hashim dan Eizah Mat Hussain. 2020. Manifestasi Perpaduan Dalam Era Malaysia Baharu Melalui Kumpulan Pantun Warisan. *Jurnal Melayu*, Bil. 19(1): 75-87.
- Nazel Hashim Mohamad. 2012. Pantun Pak Nazel: 101 Perkara. ITBM: Kuala Lumpur.
- Nazel Hashim Mohamad. 2017. Pantun Pak Nazel: Sejujur Kata Seikhlas Hati. Penerbit Universiti Malaysia Perlis: Kangar.
- Nirwana Sudirman dan Zulkifley Hamid. 2016. Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaraan Perenggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2): 145-159.
- Overbeck, H. 1914. "The 'Rějang' in Malay Pantuns." *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, no. 67: 219-20.
- Overbeck, H. 1922. "The Malay Pantuns" *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, No. 85: pp. 4-28.
- Rashidah Mohd, Saedah Siraj dan Zaharah Hussin. 2018. Aplikasi Kaedah Fuzzy Delphi Dalam Pembangunan Modul Pengajaran Pantun Melayu Berasaskan Maksud Al-Quran Mengenai Keindahan Flora, Fauna Dan Langit Tingkatan 2. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, Vol. 8, Bil. 2: 57-67.
- Salleh, Muhammad Haji. 2000. *Puitika Sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Salleh, Muhammad Haji. 2011. In Search of Literary Love in Malay Literature: The Early Stages of Relationship. *Asiatic: IIUM Journal of English Language and Literature*. Vol. 5 (2): 17-39.
- Shaiful Bahri Md Radzi, Hanapi Dollah, Solehah Ishak, Mohamad Rodzi. 2004. Pengaruh Melayu dalam pantun Mah Meri. *Jurnal Melayu*, 1: 155-178.
- Siti Hajar Che Man. 2013. Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 11: 75 – 81.
- Thomas, P. L. 1979. Syair and Pantun Prosody. Indonesia, Indonesia. 27, 51-63.
- Thomas, P. L. 1985. Phonology And Semantic Suppression in Malay Pantun. *Semiotica*. Vol. 57 Issue ½: 87-99.

- Tham Horng Kent. 2019. Towards a Performance of Tazul Izan Tajuddin's Kabus Pantun (2018). *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 18: 69–94.
- Van der Tuuk, H. N. (1866). *Art. IV—Short Account of the Malay Manuscripts belonging to the Royal Asiatic Society. Journal of the Royal Asiatic Society of Great Britain & Ireland*, 2(01): 85–135.
- W. G. Shellabear. 1987. *Sejarah Melayu*. Fajar Bakti: Kuala Lumpur.
- Winstedt, R. O. "A Set of Alphabet Pantuns." *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 1, no. 2 (88): 308–11.
- Zainal Abidin Bakar. 1983. *Kumpulan Pantun Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Zabedah Mohammed & Shaiful Bahri Md Radzi. 2020. Konotasi Bunga Dalam Peribahasa Melayu. *Jurnal e-Bangi*, Vol. 17. No.3: 31-45.
- Zurakintan Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. 2015. Pemikiran Melayu tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi Melayu Tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 3 (2): 121-129.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2017. Nilai Pendidikan dan Kebijaksanaan Masyarakat Melayu dalam Pantun dan Peribahasa Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 5(2): 73 – 86.